

Academy of Language Studies
UiTM Cawangan Pulau Pinang

e-Lingua

APRIL 2026

1/2026

*Connecting Cultures
One Word at a Time*

你好

Apa Khabar?

Bonjour

Hello

مرحبًا

Hallo

こんにちは



Sidang Kemuncak Kelab Penyayang 2025

NUR FATIN SHAHMINA MOHD FAUZEY DAN NOOR AZLI AFFENDY LEE
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA, UITM CAWANGAN PULAU PINANG

Sidang Kemuncak Kelab Penyayang 2025 telah berlangsung di Novotel Taiping, Perak selama tiga hari, iaitu dari 14 November 2025 sehingga 16 November 2025.

Program ini disertai oleh para pelajar dari 25 buah universiti awam dan swasta (IPTA dan IPTS) di seluruh Malaysia, termasuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sidang kemuncak ini merupakan acara yang dinantikan oleh ahli Kelab Penyayang kerana menjadi platform serta medan perbincangan untuk berkongsi pandangan serta menjalin kolaborasi antara universiti.



Hari pertama dimulakan dengan sesi perkenalan para pelajar melalui aktiviti ice-breaker yang dikendalikan oleh Nine Intellect Academy pada sesi malam. Hari kedua diteruskan dengan sesi perkongsian oleh panel dari universiti dan industri merangkumi topik seperti “Kemahiran Pengurusan Konflik”, “Strategi Komunikasi dan Rundingan” serta “Kemahiran Menghadapi Kecemasan”. Aktiviti seterusnya ialah sesi Outdoor Team Building. Kedua-dua hari ini menekankan penerapan nilai kerjasama berpasukan dan kemahiran interpersonal yang diperlukan oleh setiap individu bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai ketua atau ahli dalam sesebuah organisasi.

Hari terakhir dimulakan dengan perkongsian bertajuk “Teknologi sebagai Pemangkin Perkhidmatan Sukarela” yang berfokus kepada penggunaan teknologi dalam aktiviti kesukarelawanan agar selari dengan perkembangan masa kini. Sidang kemuncak ini diakhiri dengan “Program Perasmian Sidang Kemuncak Kelab Penyayang” oleh YBhg. Duan Nor Abdullah selaku Pengerusi Yayasan Budi Penyayang Malaysia serta “Majlis Penyampaian Hadiah Diala Kesukarelawan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia 2025” yang menyaksikan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultanah Abdullah (UMPSA) muncul sebagai johan melalui projek bertajuk Projek Bore Pump di Kampung Orang Asli Sungai Tekal, Jerantut, Pahang. Secara keseluruhannya, program ini berjaya memperkukuh jaringan kerjasama antara universiti serta memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan generasi muda.

The Team



**Prof. Ir. Dr. Hj. Ahmad
Rashidy Razali**
Rector



Dr. Norhaslinda Hassan
Head of Center / Adviser



Wan Noorli Razali
Chief Editor



**Aini Syahira Binti
Jamaluddin**



**Muhammad Aiman
Abdul Halim**



**Ummu Habibah Binti
Mohd Sakri @ Shukri**



**Nur Fatin Nabila
Abdul Rahman**



**Nur Fatin Shahmina
Mohd Fauzey**



**Fasyin Diyana
Mohamad Fadzil**



Nur Aalia Arifin



**Nurul Farzanah
Mohd Rosli**



Noraziah Mohd Amin



Seng Hui Zanne



Lim Teck Heng